

U GB 19-03 00158 BH881

bah

Mahathir - Kuaşa

PAS AKAN SALAHGUNA KUASA JIKA MEMERINTAH NEGARA

KOTA BAHARU, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini tidak menolak kemungkinan PAS akan menyalahgunakan kuasa jika ia memerintah negara ini kerana parti itu terbukti mampu berbuat demikian.

"Sekiranya parti itu berkuasa ke atas polis, mereka pasti akan menyalahgunakan kuasa itu untuk menangkap orang itu dan orang ini," katanya sebelum majlis berbuka puasa di kediaman Menteri Belia dan Sukan, Senator Datuk Annuar Musa di Bukit Marak di sini.

Dr Mahathir berkata sedangkan parti itu sanggup memecat imam yang tidak sealiran dengan kehendaknya, "apatah lagi kalau mereka berkuasa terhadap polis dan tentera".

"UMNO tidak demikian...kita boleh mengambil banyak tindakan tetapi kita tidak ambil tindakan melainkan diizinkan oleh undang-undang negara kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata UMNO bukan mengasingkan agama daripada politik tetapi mengasingkan agama daripada politik parti. -- Lagi

♥19/03/22-21MST

U GB 19-03 00125 BH883

bah

(Ulangan Membetulkan Slug)

Mahathir - Kuasa 2 (Akhir) Kota Baharu

Katanya sepatutnya tiada perpecahan di kalangan orang Islam melalui pembahagian parti-parti kerana "tidak sepatutnya ada parti selain UMNO."

Sebab itu, PAS memperalatkan agama dan bukan berpegang kepada ajaran Islam kerana mengetahui orang Islam berminat dengan dorongan agama, katanya.

Dr Mahathir berkata ada imam di Kelantan yang diberi notis berhenti semata-mata kerana tidak menyampaikan khutbah berhubung kedudukan kekebalan raja-raja sebagai tajuk khutbah.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak boleh membiarkan orang ramai tertipu dengan tindakan menggunakan Islam sebagai alat kepada parti itu untuk berkuasa.

Orang ramai juga patut bersyukur kerana UMNO sebagai sebuah parti yang benar-benar berpegang kepada Islam dapat memerintah negara ini. -- Bernama.

♥19/03/22-43MST